

21/02/1998

Politik Sabah sudah stabil

PENGGILIRAN jawatan Ketua Menteri yang diamalkan sekarang berjaya mewujudkan kestabilan politik serta mengurangkan sikap suka berpolitik di kalangan ahli politik negeri ini.

Setiausaha Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Mohamed Rahmat, berkata formula yang dikemukakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu sudah membuktikan kejayaannya sehingga membolehkan BN menumpukan usaha pembangunan rakyat negeri ini.

"Ia sebenarnya kesinambungan daripada formula politik BN selama ini iaitu konsep perkongsian kuasa dalam mencapai kestabilan dan keharmonian politik.

"Malah, ia juga dihayati dengan baik oleh Ketua Menteri sekarang, Datuk Yong Teck Lee serta Ketua Menteri sebelum ini, Datuk Salleh Tun Said, dengan meletakkan kepentingan rakyat dan negeri ini melebihi kepentingan politik masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan kertas kerja bertajuk "Keadilan Untuk Semua" di Konvensyen BN Negeri, di sini hari ini.

Mohamed berkata, konsep perkongsian kuasa itu diterima baik oleh rakyat negeri ini dan parti komponen BN negeri, terutama Umno yang sanggup membuat pengorbanan besar tidak menuntut jawatan Ketua Menteri walaupun mempunyai majoriti 18 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Beliau berkata, pengorbanan Umno itu sebenarnya bukan perkara baru kerana ia diamalkan sejak zaman Perikatan menuntut kemerdekaan lagi.

"Ini kerana ia dikenal pasti sebagai kaedah politik terbaik untuk mewujudkan kestabilan dan keharmonian politik di negara ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau menggesa semua ahli BN untuk menghayati sejarah perjuangan negara menuntut kemerdekaan bagi memastikan formula politik yang diamalkan sekarang dan pada masa akan datang, agar ia diterima baik oleh setiap rakyat tanpa mengira kaum, budaya dan agama.

Mohamed juga berkata, adalah mustahak untuk ahli dan pemimpin BN negeri bekerja keras untuk kepentingan rakyat dan bukannya untuk kepentingan peribadi.

Sebelum ini, katanya, banyak parti politik yang ditubuhkan di negeri ini pada masa lalu bukan digerakkan oleh kehendak rakyat tetapi lebih bertujuan memenuhi cita-cita peribadi pemimpinnya.

"Ternyata, parti politik yang ditubuhkan itu tidak kekal lama kerana ia tidak mendapat sokongan rakyat sepenuhnya.

"Oleh itu, adalah penting untuk semua pemimpin BN mengetepikan kepentingan peribadi sebaliknya sanggup berkorban untuk rakyat," katanya.

(END)